

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004



MELAWAT WONDERFOOD MUSEUM

Wan Anisha Wan Mohammad & Azlina Mohd Mydin

Pada tanggal 30 September 2025, kami daripada geng BFF yang terdiri daripada Wan, Azlina dan Rafizah telah merancang satu lawatan santai tetapi penuh bermakna ke Wonderfood Museum yang terletak di tengah-tengah bandar bersejarah George Town. Lawatan ini bukan sahaja bertujuan untuk bersiar-siar, malah untuk menambah pengetahuan tentang keunikan dan kepelbagaian makanan tradisional Malaysia yang menjadi kebanggaan rakyat. Seawal pagi lagi kami sudah berkumpul dengan penuh semangat, masing-masing tidak sabar untuk memulakan perjalanan.



Untuk ke sana, pengunjung boleh memilih sama ada menaiki kereta atau feri ke Pulau Pinang. Kami memilih untuk menaiki feri kerana ingin merasai pengalaman menyusuri laut sambil menikmati pemandangan indah sekitar. Setibanya di Terminal Feri Pulau Pinang, kami mendapati jarak ke muzium tersebut hanyalah kira-kira satu kilometer sahaja. Oleh itu, kami mengambil keputusan untuk berjalan kaki sambil menikmati suasana bandar yang kaya dengan bangunan warisan dan mural seni yang unik. Sepanjang perjalanan, kami sempat mengambil beberapa keping gambar sebagai kenangan.

Setibanya kami di hadapan muzium, perhatian kami terus tertumpu kepada replika gergasi Ais Cendol yang menghiasi pintu masuk. Replika tersebut kelihatan begitu realistik dengan warna dan tekstur yang menyerupai hidangan sebenar, seolah-olah mampu mengundang sesiapa sahaja untuk menikmatinya. Perasaan teruja jelas terpancar di wajah kami kerana tidak sabar untuk mengetahui kejutan lain yang menanti di dalam muzium makanan tersebut.



Sebaik melangkah masuk, kami disambut dengan kaunter tiket serta beberapa replika makanan bersaiz besar seperti kuih bulan dan gerai jualan Merry Ice Cream yang begitu menarik perhatian. Harga tiket untuk ke Wonderfood Museum adalah RM15 untuk dewasa dan RM10 untuk kanak-kanak. Tanpa melepaskan peluang, kami menikmati aiskrim terlebih dahulu sebelum memulakan penerokaan. Suasana di dalam muzium sangat ceria dengan hiasan berwarna-warni serta susun atur yang kemas dan teratur.

Selepas menikmati aiskrim, kami meneruskan penjelajahan ke setiap sudut pameran. Di dalam muzium ini, makanan dipamerkan mengikut kategori seperti makanan jalanan, makanan tradisional mengikut negeri-negeri di Malaysia, piramid makanan dan pelbagai lagi. Setiap hidangan dipersembahkan dalam bentuk replika yang besar, terperinci dan kelihatan begitu menyelerakan. Kami berasa kagum melihat ketelitian hasil seni yang mampu menggambarkan keunikan serta kepelbagaian budaya makanan negara.



Pengunjung turut diberi peluang untuk bergambar bersama replika-replika makanan yang dipamerkan, sekali gus menjadikan pengalaman lawatan lebih menyeronokkan, interaktif dan penuh makna. Setiap sudut pameran yang unik dan kreatif seolah-olah direka khas untuk merakam detik-detik istimewa, sama ada di sisi hidangan bersaiz gergasi mahupun di hadapan dekorasi yang berwarna-warni dan menarik perhatian. Kami juga tidak melepaskan peluang untuk mengambil pelbagai gambar kenangan bersama, merakam senyuman dan gelak tawa yang tercipta sepanjang lawatan tersebut. Bagi kami, setiap foto yang diambil bukan sekadar gambar biasa, tetapi menjadi simbol kenangan manis dan pengalaman berharga yang akan sentiasa terpahat dalam ingatan.



Setiap sudut pameran turut dihiasi dengan ungkapan yang berkaitan dengan makanan, disusun dengan begitu kreatif dan menarik sehingga mampu mencuri perhatian setiap pengunjung yang melangkah masuk. Ungkapan-ungkapan tersebut bukan sekadar hiasan semata-mata, malah mengandungi mesej yang sarat dengan nilai dan pengajaran.

Secara keseluruhannya, lawatan kami ke Wonderfood Museum merupakan satu pengalaman yang sangat menyeronokkan, bermakna dan penuh dengan ilmu baharu. Sepanjang berada di muzium tersebut, kami bukan sahaja dapat meluangkan masa berkualiti bersama rakan-rakan, malah berpeluang menimba pengetahuan tentang kepelbagaian dan keunikan makanan tradisional Malaysia yang menjadi lambang identiti serta kebanggaan negara. Setiap sudut pameran memberikan pengalaman yang berbeza dan membuka mata kami tentang betapa kayanya warisan kulineri yang dimiliki oleh masyarakat berbilang kaum di tanah air.





اَبُو سَیِّدِیْ رَیْکَیْ لَوَکَیْ مَکَیْ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637 007004